UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA
FACULTY OF DESIGN AND ARCHITECTURE
فاكولتي ريک بنتوق دان سني بينا

# Sensasi FRSB

https://frsb.upm.edu.my/penerbitan

www.frsb.upm.edu.my SPECIAL ISSUE 2024 | BIL:40

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

## Salam Aidilfitri

MAAF ZAHIR DAN BATIN

1445H|2024M

Syawal yang indah sudah menjelang
Jauh dan dekat datang berhimpun


Pejabat Dekan


Pejabat Timbalan Dekan
(Akademik, Antarabangsa dan Hepa)

Samalah cantik, samalah padan
Bertambah seri dengan senyuman


Jabatan Senibina

Selamat Berhari Raya


Jabatan Senibina Landskap


Jabatan Reka Bentuk Perindustrian


Pejabat Timbalan Dekan
(Aset dan Pembangunan)


Pejabat Pentadbiran


Pengurusan FRSB

Selamat Berhari Raya

Pejabat Timbalan Dekan
(Penyelidikan, Inovasi dan Siswazah)



Tua, muda, miskin, kaya
Sambut Syawal dengan ria

Warna-warni di Aidilfitri

## SIDANG REDAKASI

**Editor:**
Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof

**Penyelaras Unit Korporat:**
Dr. Sazrinee Zainal Abidin

**Penulis / Penyumbang Bahan**
Dr. Noor Azizi Mohd Ali

**Editor Berita:**
Madiha Hailani

**Editor Grafik:**
Arizy Valentino Ramli
Mohd Ghazali Razak
Uswah Hasanah Raza

**layari Laman Sesawang:**
https://frsb.upm.edu.my/penerbitan

**Copyright © 2024**
**by Faculty of Design and Architecture,**
**Universiti Putra Malaysia**

**Disclaimer**
All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form without written permission from the publisher, except by a reviewer who wishes to quote brief passages in a review written for inclusion in magazines or newspapers.

# KANDUNGAN

02. **Artikal Khas Edisi Aidilfitri**
NOSTALGIA HARI RAYA MONOLOG RINDU DI HARI RAYA

04. UCAPAN DARI AHLI PENGURUSAN

22. UCAPAN DARI WARGA FRSB


UPM FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA
Faculty Of Design And Architecture
DOCTOR OF PHILOSOPHY
MASTER OF SCIENCE
IDEA
SKILLS
FRSB

# NOSTALGIA HARI RAYA MONOLOG RINDU DI HARI RAYA

Dr. Noor Azizi Mohd Ali



Vivian ocardenas blog.

Setiap tahun masyarakat Islam seluruh dunia akan meraikan Hari Raya Aidilfitri dalam suasana yang penuh meriah. Masyarakat Melayu di Malaysia tidak terkecuali dalam meraikan hari yang penuh gemilang ini setelah sebulan berpuasa. Pun begitu perubahan zaman sedikit sebanyak telah merubah cara kita menyambut dan meraikan hari bersejarah ini. Bermula dari segi fesyen pakaian hinggalah kepada cara ianya disambut.

Suatu ketika dahulu, kaum lelaki akan berbaju Melayu dan bersamping songket atau pelikat manakala kaum wanita pula akan berbaju kurung dan berkain ombak mengalun. Pun begitu, pada waktu kini, kaum lelaki terutama anak-anak muda masih lagi berbaju Melayu pada hari raya, tetapi potongannya tidak lagi seperti dahulu. Kalau dulu, baju Melayu berpesak dan berkekek menjadi pilihan tetapi sekarang kekek gantung dan pesaknya telah hilang menjadikannya lebih sendat dan menyesakkan. Begitu juga bagi kaum wanita, baju kurung yang asli telah diubah kepada baju yang lebih berfesyen katanya, dengan potongan yang menampakkan bentuk badan. Ada pula yang berbaju kurung Kedah (dengan potongan yang lebih singkat) yang biasanya menjadi pakaian basahan di rumah tetapi dijadikan pakaian hari raya.

Kebiasaannya pada malam sebelum raya, langsir dan sarung kusyen akan ditukar kepada yang lebih baharu. Teringat bagaimana bantal kusyen (kini bertukar sofa) terpaksa di lipat dua terlebih dahulu untuk memudahkan memasukkannya ke dalam sarung kusyen. Sesudah itu bantal kusyen akan ditepuk untuk menyamaratakan bantal tersebut. Langsir pula biasanya juga diganti baharu (mungkin juga langsir lama yang diguna semula) untuk menambahkan seri di hari raya. Biasanya langsir pilihan adalah langsir yang berbunga-bunga atau bercorak dan jarang sekali yang berlangsir polos. Hanya pada zaman sekarang masyarakat Melayu lebih gemar memilih langsir polos kerana pengaruh penggayaan barat yang katanya lebih ringkas dan elegan. Pada malam sebelum raya juga, keluarga akan mula memasak juadah raya seperti ketupat dan rendang. Menariknya, makanan tradisi raya ini bergantung mengikut negeri. Bagi masyarakat di pantai barat, ketupat nasi (yang berbentuk empat segi) menjadi pilihan di pagi raya berbanding dengan masyarakat di pantai timur yang lebih cenderung kepada ketupat daun palas yang berbentuk tiga segi dan berisi pulut.

Dari segi sambutan pula seperti biasa di pagi raya, kaum lelaki terutamanya akan ke masjid bagi menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri dan melaungkan takbir raya. Di sinilah mereka berpeluang berjumpa dengan rakan dan kenalan sambil saling bersalaman dan bermaafan sebelum berziarah dan berkunjungan. Untuk keluarga pula, waktu selepas solat adalah masa untuk bermaafan sesama keluarga. Selepas itu berulah diadakan kunjungan ke rumah keluarga dan juga kenalan. Biasanya kunjungan raya ini akan berlanjutan hingga ke petang. Manakala malam pula adalah waktu untuk keluarga berehat sesama mereka dan biasanya waktu ini diisi dengan menonton televisyen. Stesyen televisyen juga tidak ketinggalan di dalam menyajikan rancangan-rancangan raya seperti drama dan juga rancangan hiburan.

Anak-anak kecil juga tidak ketinggalan dalam meraikan hari raya. Biasanya mereka akan berkunjung secara berkumpulan samada bersama adik beradik atau kawan-kawan yang lain bagi 'mengutip' duit raya. Penulis sendiri pernah menerima kunjungan anak-anak kecil suatu ketika dulu tetapi lama kelamaan budaya berziarah ini kelihatan semakin berkurangan. Ada di kalangan anak-anak ini yang telah menjadi lebih dewasa dan timbul rasa segan untuk berziarah ke rumah orang yang tidak dikenali. Penggunaan gajet yang berleluasa juga menjadikan anak-anak lebih selesa untuk duduk di rumah dan bermain dengan gajet dari berziarah ke rumah rakan-rakan mereka.

Begitulah monolog rindu seorang insan di hari raya.



penmerah.com



Pengurusan Fakulti Rekabentuk dan Senibina

# *Ucapan Dari Ahli Pengurusan*



**Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,**
**La illaha il Allah, Allahu Akbar,**
**Allahu Akbar Walilahil Hamd.**

Ramadhan berakhir, Syawal menjelma. Saya dan keluarga menyusun sepuluh jari mengambil kesempatan di sini untuk memohon maaf Zahir dan batin serta mengucapkan Selamat Hari Raya AidilFitri kepada semua warga FRSB. Semoga Syawal kali ini dapat menyatu dan mengeratkan lagi silaturahim sesama kita.

Aaminn YRA.

*Dekan*

Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof



# Pejabat Dekan

Unit Korporat | Galeri Serdang | Putra Design Nucleus



**Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,**

Andai jemari tak sempat berjabat,
Andai raga tak dapat bertatap,
Seiring beduk yang menggema,
Seruan takbir yang berkumandang,
Ku aturkan salam menyambut Hari Raya Aidilfitri,
Jika ada kata serta khilafku membekas lara,
Mohon maaf zahir dan batin.
Semoga kita termasuk di kalangan mereka yang bersyukur dan
semoga segala amalan kita diterima Allah, aamin ya rabbul'alamin.

**SALAM AIDILFITRI 1 SYAWAL 1445H**
**MOGA SILATURRAHIM DAN UKHUWAH KITA DIBERKATI ALLAH,**
**AAMIN YA RABBUL'ALAMIN.**

*Ketua Pentadbiran*

Pn. Sarah Salwah Adnan



# Pejabat Pentadbiran

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua ahli fakulti, pelajar, dan alumni Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia. Semoga kegembiraan dan kedamaian menyertai setiap langkah kita dalam menjejak Hari Raya yang mulia ini. Sambutlah kebahagiaan bersama keluarga tersayang, sambil mengingati nilai-nilai kesederhanaan dan keberkatan yang telah diperoleh semasa berpuasa di bulan Ramadhan. Teruslah berusaha dan berdoa agar setiap usaha kita diberkati Allah SWT. Dikesempatan ini juga kami daripada Pejabat TDAAH ingin memohon maaf atas segala kekhilafan dan ketelanjuran sepanjang menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kami. Selamat menyambut Aidilfitri, semoga kita semua diberkati dengan kebahagiaan dan kejayaan. Taqabbalallahu minna wa minkum.

*Timbalan Dekan*

**Akademik, Antarabangsa dan Hal-ehwal Pelajar & Alumni,**

**Prof. Madya Dr. Zalina Shari**





# Pejabat Timbalan Dekan

Akademik, Antarabangsa dan Hal-ehwal Pelajar & Alumni,



Kami bagi pihak TDPIS ingin mengucapkan Selamat Hari Raya maaf zahir batin kepada semua warga FRSB diharap kita semua dapat menjadi lebih produktif di tahun 2024..

Dalam kerendahan hati, ada ketinggian budi, dalam kemiskinan harta, ada kekayaan jiwa,dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata, dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan dosa, mohon ampun dan maaf atas segalanya, selamat hari raya maaf zahir dan batin.

*Timbalan Dekan*

## Penyelidikan Inovasi dan Siswazah

**Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Zairul Mohd Noor**



# Pejabat Timbalan Dekan

Penyelidikan Inovasi dan Siswazah



Selamat Hari Raya, Maaf Zahir Batin kepada semua warga FRSB dari Pejabat TDJP. Kepada yang balik ke kampung saya doakan semoga selamat sampai ke destinasi untuk berjumpa keluarga tersayang.

Bagi #gengrayabandar,  lemang dan ketupat jangan dilupakan.

SELAMAT HARI RAYA.

*Timbalan Dekan*

## Jaringan Industri Masyarakat dan Pembangunan

### Prof. Madya Ts. Dr. Shahrizal Dolah CIDe



# Pejabat Timbalan Dekan

Jaringan Industri Masyarakat dan Pembangunan

Syawal tahun ini merupakan yang pertama untuk saya menyampaikan ucapan Salam Aidil Fitri sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Senibina Landskap. Saya berharap kita semua menemui kekuatan untuk menjadi lebih baik, bukan hanya untuk diri sendiri tetapi juga untuk orang lain. Semoga kita semua menjadi versi terbaik dari diri kita dan, bagi saya kemenangan yang sebenar adalah apabila kita dapat mengatasi segala perbezaan di antara kita dan sama-sama berkerja untuk kebaikan semua, jabatan, fakulti dan universiti yang kita sayangi. Selamat Hari Raya kepada seluruh warga JSL dan juga FRSB, Maaf Zahir Batin dan semoga kita semua diberkati.

*Ketua Jabatan*
**Senibina Landskap**
**Prof. Madya Dr. Shureen Faris Abdul Shukor**





# Jabatan Senibina Landskap

Dalam kerendahan hati, ada ketinggian budi,
Dalam kemiskinan harta, ada kekayaan jiwa,
Dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata,
Dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan dosa,
Mohon ampun dan maaf atas segalanya,
Selamat hari raya maaf zahir dan batin, dari kami warga Jabatan Senibina

*Ketua Jabatan*
**Senibina**
Ar. Dr. Athira Azmi





# Jabatan Senibina

Dalam keluhan hati ada kesungguhan diri.
Dalam kerasnya kata ada penyembuhan jiwa.
Dalam kelembutan lidah ada juga keterlanjuran kata.
Dalam gurau senda tentu ada gembira dan terasa.
Bagi pihak Jabatan Reka Bentuk Perindustrian kami ingin memohon ampun dan maaf atas segala kesilapan dan kekhilafan.
Semoga sambutan lebaran kali ini memberikan makna dan kebahagian kepada semua.

*Ketua Jabatan*

**Rekabentuk Perindustrian**

**Dr. Mohd Faiz Yahaya**





Jabatan Rekabentuk Perindustrian

# Ucapan Dari Warga Frsb



**Dr.Jamali bin Janib (dan seisi keluarga)**
Pejabat TDAH

Intai kami antara semua
Jangan esok rindu-rinduan
Sebulan berpuasa cukup semua
Saling bermaafan eratkan persaudaraan
Salam Aidilfitri dari kami. Maaf Zahir dan batin.



Di tengah taman yang hijau berseri, Warna-warni bunga mekar indah, Menyambut kedatangan hari yang fitrah.

Dihiasi senyuman dan lagu raya. Dalam gerbang, tergantung lampu-lampu, Menerangi malam yang kelam gelap.

Di hadapan pintu, pokok-pokok bunga, Menyambut tetamu dengan gembira.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, warga FRSB!

Maaf zahir dan batin dari saya,

Semoga kita terus bersama dalam kegembiraan,

Menyambut kemenangan ini dengan penuh rasa kesyukuran

**PM Ts Dr Mohd Yazid Mohd Yunos**



**Mohd Hasrul Hassan**
Jabatan Senibina Landskap

Salam lebaran buat semua warga kerja FRSB.

Maaf zahir dan batin




## Tc. Mohd Kamil Ismail

Pejabat TDPIS

Salam Lebaran 1445H untuk semua warga FRSB.



## Intan Nuzrad & Keluarga

Pejabat Pentadbiran

Semoga setiap langkah kita di hari raya ini diisi dengan keberkatan, kasih sayang, dan kegembiraan.

Maafkan segala kesalahan dan mari kita terus bina hubungan yang kukuh dan penuh kasih sayang.

Selamat Hari Raya Aidilfitri,

Taqabbalallahu minna wa minkum.



## Uswah Hasanah

Unit Korporat

Salam Aidilfitri untuk semua warga FRSB.

Semoga pagi raya anda ceria dengan lagu-lagu raya & family tercinta





**Dr. Noranita Mansor**

Jabatan Senibina

Salam dihulur tanda ingatan,

Moga ukhwah sentiasa berkekalan,

Selamat Hari Raya Aidilfitri kami ucapkan

Kepada kaum keluarga dan semua kenalan.

SALAM AIDILFITRI

**Muhammad Ariff Hamizan bin Zaidon**

Bacelor Senibina Landskap

Selamat menyambut hari raya Aidilfitri maaf zahir dan batin.

Semoga amalan kita diterima Allah sepanjang bulan Ramadan dan dikurniakan idea-idea yang bernas, kreatif, kritis, puitis, sensasi, selebriti, pragmatik dan memberi paradigma manfaat kepada semua orang.



**Madiha Hailani**

Unit Korporat

Momen bersama keluarga di Hari Raya tidak ternilai harganya.

Selamat berkumpul bersama insan-insan yang kita sayangi

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Minnal Aidin Wal Faizin



**Hairul Hisham Bin Hassan**

Pejabat Pentadbiran

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir Dan Batin

**Asma Khalid,**

PhD Student

Eid Greetings to the UPM Muslim Community, we cherish the diversity of our institute.




**Adreana Thomas**

Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Siswazah

Selamat Hari Raya Aidilfitri,

Maaf zahir dan batin





**Dr. Mohd Fabian Hasna**

Jabatan Senibina Landskap

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir Batin



**LAr. Dr. Roziya Ibrahim**

Jabatan Senibina Landskap

Selamat menyambut Aidilfitri,

Mohon maaf zahir dan batin.

Taqabbalallahu Minna Wa Minkum Taqabbal Ya Karim




## Muhamad Syakir bin Mahadzir

Jabatan Senibina

Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Maaf Zahir dan Batin



## Aswamanisa binti Arshad

Jabatan Senibina Landskap

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.

Semoga Allah Menerima segala amalan kita dan semoga Syawal ini dipenuhi dengan kebahagiaan, kegembiraan dan keberkatan untuk kita semua.

## Ts. Dr. Maszura Abdul Ghafar

Jabatan Senibina

Selamat Hari Raya

Maaf Zahir dan Batin.

Berilmu dan berbakti.






## Prof Madya Ts Dr Nazlina Shaari CiDE

Jabatan Rekabentuk dan Senibina

Takbir bergema mengegarkan jiwa,

Menandakan Syawal telah tiba,

Ku atur salam maaf dipinta,

Selamat Hari Raya Adil Fitri buat semua

## Mohd Zaki Bin Md Sudin

Jabatan Rekabentuk Perindustrian

Satu Syawal menjelang tiba,
Takbir bergema mengegarkan jiwa,
Sekiranya ada salah dan dosa,
Ampun dipinta dihari mulia.
Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.



## Nurul Jannah Mat Salleh

Jabatan Senibina

Sungguh cantik si rama-rama,
Hinggap seekor di depan mata,
Kini syawal telah menjelma,
Tangan ku hulurkan maaf kupinta

Gema Takbir Memuji Ilahi,
Petanda Bermula Aidilfitri,
SMS Dikirim Pengganti Diri,
Bukan Nak Lupa Adat & Tradisi,
Tapi Ikut Perkembangan Teknologi Jari,

Mohon Ampun Dan Maaf,
SELAMAT HARI RAYA MAAF ZAHIR BATIN




## Najwa Norman

Pejabat Pentadbiran

Satu Syawal menjelang tiba,
Takbir bergema mengegarkan jiwa,
Sekiranya ada salah dan dosa,
Ampun dipinta dihari mulia.
Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin :)





## LAr. Dr. Adam Aruldewan

Jabatan Senibina Landskap

Selamat Hari Raya.
Maaf Zahir dan Batin!

## Fatimah Mustafa

Pejabat Dekan

Yang jauh itu Waktu,
Yang dekat itu Mati,
Yang besar itu Nafsu,
Yang berat itu Amanah,
Yang mudah itu Berbuat Dosa,
Yang panjang itu Amal Soleh,
Yang indah itu Saling Memaafkan.
Salam Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.





## Nurazlin Jaafar

Pejabat TDPIS

Maaf zahir dan batin diucapkan dengan tulus,
Mengakhiri riak-riak kekhilafan lalu.
Dalam lautan rahmat yang tak terbatas,
Kita bersama-sama meraikan hari kemenangan.
Selamat Hari Raya Aidilfitri.

## Nur Zulaikha Mohd Yaacob

Pejabat TDPIS

Bila baring terus terlelap,
jangan sampai tidak bangun pagi,
jika ada salah dan silap
jangan simpan di dalam hati





## Ikhlas dari Geng Ngaji (Azliana, Iqa & Dr. Lin)

Burung kelicap menghisap madu,
Madu diambil oleh Pak Adu,
Kita hidup saling memerlu,
Moga Raya dihayati dgn ilmu.

Bangun pagi siapkan diri,
Untuk melaksanakan solat Raya,
Ramadhan berlalu moga diberkati,
Selamat menyambut Hari Raya.

### Dr. Azmiah binti Abd Ghafar
Jabatan Senibina Landskap

Andai langkah membekas lara,
Ada kata menusuk sukma,
Ada tingkah menoreh luka,
Maka maafkanlah andai ada kesilapan saya..

"Taqabbalallahu minna wa minkum"

Semoga Allah menerima amal kita semua. Salam Eid Mubarak. Maaf Zahir dan batin





### Dr. Sazrinee Zainal Abidin
Jabatan Rekabentuk Perindustrian

Takbir sudah bergema,
Syawal sudah tiba,
Selamat Hari Raya,
Ampun maaf dipinta.

Ikhlas daripada
Rinee sekeluarga




### Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Shahrizal Dolah
Pejabat TDJP

Selamat Hari Raya.
Maaf Zahir & Batin



### Prof Ts Dr Khairul Aidil Azlin Rahman CIDe & Prof Madya Ts Dr. Nazlina Shaari CIDe
Jabatan Rekabentuk Perindustrian

Salam Aidilfitri .Semoga lebaran ini membawa lebih keberkahan dan kesejahteraan kepada warga FRSB

## Profesor Ts. Dr. Rahinah Ibrahim

Jabatan Senibina

Indah bangunan dalam lakaran,
Tersilap garis bolehlah padam;
Kami ucapkan salam lebaran,
Ampun terguris luar dan dalam.





## LAr. Dr. Osman Mohd Tahir

Jabatan Senibina Landskap

Selamat Hari Raya Aidil Fitri

Taqabbalallahu minnaa wa minkum
Waja'alana minal 'aidin wal faizin

MAAF ZAHIR DAN BATIN

## Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof

Jabatan Senibina Landskap

Selamat Hari Raya

Maaf Zahir dan Batin





## Prof. Madya LAr. Dr. Suhardi Maulan

Jabatan Senibina Landskap

Selamat Hari Raya

Maaf Zahir Batin kepada semua warga FRSB

Beringat-ingatlah makan bila beraya

Jagalah diri dan kesihatan di musim perayaan ini

## Hasmah, Nursyida, Azlinda, Aqilah

Pejabat TDAH (Circa 2022)

Senada pink belacan di suatu hari

Pakat ke?

Tak la, kebetulan ajaa..

Kami nak ucapkan Salam Eidulfitri

Juga, Maaf zahir batin untuk semua






Takbir sudah bergema, Syawal sudah tiba, Selamat Hari Raya, Ampun maaf dipinta.

**dino+ana**

## Dr. Nor Azlina Abu Bakar,

Jabatan Senibina

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga kita termasuk dalam kalangan orang yang sentiasa bersyukur dan semoga amalan kita sepanjang bulan Ramadhan yang mulia.






## LAr. Mohd Nazri Saidon

Jabatan Senibina Landskap

Jika jiwa sebening air,

Maka jangan ia dikeruhkan,

Jika hati seputih awan,

Jangan ia dimendungkan ,

Jom raih kemenangan dengan saling bermaafan, Selamat Hari Raya Aidilfitri,

Maaf Zahir dan Batin.

**Muhd. Hamizan Afiq Halimi** (Pejabat TDJP) **& Zuhami bin Sahat** (Pejabat Pentadbiran)

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir dan Batin





**Zetty Fazleen Anuar**

Pejabat TDPIS

"Tangan dihulur maaf dipinta, erat hubungan sesama kita, semoga gembira di hari mulia ini, salah dan silap harap dimaafkan. Selamat Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin"

**Norasyidah Mohd Noor & Keluarga**

Pejabat TDPIS

Selamat Hari Raya Maaf Zahir & Batin.

Semoga lebaran kali ini lebih bermakna untuk kita semua






**Nurhasmilaazra Abdul Halim**

Pejabat TDJP

Salam Lebaran 1445 Hijrah,

Kepada semua Warga Fakulti,

Semoga kehidupan penuh barakah,

Amal ibadah juga diberkati.

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir dan Batin

**Ts. Raihan Maskuriy**
Jabatan Senibina

Katak kenyang lalu tertidur,
Gajah pitam lantas terjatuh,
Andai tak sampai tangan menghulur,
Ku pohon keampunan dari jauh.





Salam Aidilfitri 1 Syawal 1445h
Moga Silaturrahim Dan Ukhuwah Kita Diberkati Allah, Aamin Ya Rabbul'alamin.

**SARAH SALWAH ADNAN**



**MOHD AZUWAN MD NOR**
Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir Batin



Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir Batin

**Mohd Ghazali Razak**



**MOHD REDZA MAADUN**
Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir Batin

# *Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin*

MOHD KAMAL KHAIRI

NUR FITRINA BADARUDIN

MARINI ABD. KADIR

NURFITRIAH MOHAMAD NORWAN

MUHAMMAD LOQMAN IDRIS

NOR AZLINDA OTHMAN

ALIS SUHAILI ABD GHANI

NOOR MUNIRAH ABDUL HALIM

TS. ASMADI SARUN

MOHAMMAD AFIFI HAMDAN

MOHAMAD AIMAN MOHD DAUD

MUHAMMAD AMIRUL BIN HAMDAN

PROF. MADYA TS. DR. NORSIDAH UJANG

PROF. MADYA LAR. DR. NOR ATIAH ISMAIL

PROF. MADYA DR. MOHD. FAIRUZ SHAHIDAN

PROF. MADYA TS. DR. SREETHERAN MARUTHAVEERAN





LAR. TS. ABD AZIZ OTHMAN
LAR. DR. MOHD KHER HUSSEIN
LAR. DR. SHAMSUL ABU BAKAR
DR. NOOR AZIZI MOHD ALI
DR. FAZIAWATI ABDUL AZIZ
DR. NORHUZAILIN HUSSAIN

DR. NOOR FAZAMIMAH MOHD ARIFFIN
DR.SIOW MAY LING
LAR. DR. MOHD SALLEHUDIN MAT NOOR
LAR. ASRAF ABDUL RAHMAN
LAR. MOHD NAZRI SAIDON
TS. EMRAN @ ZAHRIN MOHAMAD TARAM
DR. AINI JASMIN GHAZALLI
BUNAWAN HJ SAMURI
INIYATI KADRI
MOHD SHUKREY ISMAIL
MUHAMMAD AZLAN ABDULLAH
ASWAMANISA ARSHAD
AZLAN SHAH JAMALI
WAN ARIEF ISKANDAR WAN AHMAD FIZAL
PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAKRI ZAKY JA'AFAR
PROF. MADYA DR. SUMARNI ISMAIL
PROF. MADYA DR. NUR DALILAH DAHLAN
DR. WAN SRIHANI WAN MOHAMED
DR. MOHD SHAHRUDIN ABD MANAN

AR. IDR. NIK FAZLYSHAM NIK MAT

TS. DR. MASZURA ABDUL GHAFAR

AR. AZNIDA AZLAN

DR. NOR AZLINA ABU BAKAR

DR. SITI SARAH HERMAN

DR SARAH ABDULKAREEM SALIH

DR. ANNISA UMMIHUSNA ABDUL GHANI

IDA SURIANA ISMAIL

AR. MOHD AZLI MOHAMAD JAMIL

AR. SARIZAL YUSMAN YUSOFF

AR. WAN SOFIAH WAN ISHAK

NOR SUHANA NOORDIN (AR. IDR.)

MAHMOUD BGHDADI

AR. MEOR MOHAMMAD FARED MEOR RAZALI

DR. MAREK KOZLOWSKI

ROHAYA ISHAK

MOHD KHAIRUN NIZAM MOHAMAD NOH

MOHAMAD FAKHRUL HADI BIN YAAKOP

MOHD AIDEL ASYRAF BIN ROZALI

PROF. MADYA TS. DR. HASSAN ALLI



YM PROF. MADYA TS. DR. RAJA AHMAD AZMEER RAJA AHMAD EFFENDI

PROF. MADYA DR. AHMAD RIZAL ABDUL RAHMAN

TS.SHAHRUL AZMAN SHAHBUDIN

TS. DR. SAIFUL HASLEY RAMLI

DR. SITI MASTURA MD ISHAK

TS. DR. KHAIRUL MANAMI KAMARUDIN

TS. DR. ROSALAM CHE ME

TS. DR. VELU A/L PERUMAL KMW

INDASTRI SAION

NURKHALIZAH SARIP

FADHILAH AHMAD

MUHAMMAD ASYRAF ZAHRI

MIOR MUHAMMAD AIMAN BIN MIOR MOHD SHOPI

MUHAMMAD HAZIQ THANI

Ang..... Ang..... Ang...Ang...
Ang.....Ang...... Ang..Ang...
Ang.....Ang...... Ang..Ang...
Ang.....Ang......Ang...Anggg...

ape ape pown.. Matriyee...
safe drive gaissss......-

**Abam Angse Osem FRSB**



www.facebook.com/frsbupm www.youtube.com/frsbupm www.flickr.com/photo/frsb

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.frsb.upm.edu.my